



Skor A+ dalam UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK



UASA

特优A+系列

国文

Bahasa
Melayu
(1)



Tahun

6

年級

Muhammad Hafizul Ibrahim
Fazrin Nazieha Hasbullah

Fara Ummaina Salikin
Norelyssa Ramli

- ★ 100% mematuhi format
UASA
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK terkini
- ★ 5 Set Kertas Model UASA
- ★ Boleh dipisah daripada buku
- ★ Jawapan lengkap disediakan



UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK Tahun 6

Bahasa Melayu (011)

1 jam 15 minit

Nama	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Nama Pemeriksa:

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Puan Hayati _____ ^{回来} kepulangan anaknya daripada sekolah di beranda rumah.

A menunggu
B mendengar
C melompat
D menari

2. Majlis ^{毕业典礼} konvokesyen Mei Jun akan ^{进行} berlangsung _____ waktu petang.

A dari
B pada
C kepada
D daripada

Soalan 3

3. Pilih ayat yang betul.

A Encik Roslan menerima ramai hadiah daripada anak muridnya sempena perpindahannya ke sekolah baharu.
B Ramai anak kucing ^{到处跑} berkeliaran di tong sampah ^{靠近} berhampiran pasar pagi.
C Restoran Tomyam Abe Wei menjadi pilihan ramai kerana masakannya enak. ^{选择}
D Ramai juadah makanan dijual di Bazar Ramadan Putrajaya sepanjang bulan Ramadan.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

好处 Aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti luar bilik darjah yang memberikan banyak manfaat kepada setiap murid. Penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum memberikan banyak kesan kepada murid-murid.

其中 Antara faedah menyertai aktiviti kokurikulum ialah kita boleh menyihatkan badan. Contohnya, dengan menyertai ekspedisi mendaki gunung, badan akan mengeluarkan banyak peluh dan darah di dalam badan akan mengalir dengan lancar. Kesannya, badan kita akan kekal sihat dan cergas. 活跃 流畅 后果

Selain itu, kita dapat mengeratkan silaturahim antara setiap murid melalui aktiviti kokurikulum. Contohnya, semasa aktiviti mendirikan khemah dan memasak di hutan bersama rakan. (Secara tidak langsung,) kita boleh berkongsi pendapat dan pengalaman. 促进关系 不知不觉的

Seterusnya, kita juga boleh mengisi masa lapang apabila menyertai aktiviti kokurikulum. Sebagai contoh, (melibatkan) diri dalam perkhemahan pasukan beruniform yang dianjurkan oleh pihak sekolah dapat mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah. 填满空闲时间 参与

Kesimpulannya, aktiviti kokurikulum memberikan banyak manfaat kepada murid. Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum merupakan platform terbaik untuk mendidik seseorang murid berdikari, berdisiplin dan menjadi manusia yang berguna pada masa akan datang.

4. Apakah yang dimaksudkan dengan aktiviti kokurikulum?
 - A Penglibatan dalam aktiviti lasak di luar bilik darjah
 - B Meneroka hutan simpan bersama pemandu arah
 - C Ekspedisi mendaki gunung bersama rakan-rakan
 - D Aktiviti luar bilik darjah yang memberikan banyak manfaat kepada setiap mur
5. Berikut merupakan kebaikan menyertai aktiviti kokurikulum, kecuali
 - A menyihatkan badan.
 - B mengeratkan silaturahim antara setiap murid.
 - C mengisi masa lapang.
 - D memberikan pengalaman yang buruk.
6. Frasa *berkongsi pendapat* dalam petikan bermaksud
 - A berselisih pendapat.
 - B bekerjasama dalam pasukan.
 - C bersepakat memberikan pandangan.
 - D bertenang dalam apa-apa jua keadaan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PERMAINAN TINGTING

Permainan tingting ialah permainan tradisional masyarakat Melayu.

Permainan ini juga dapat menguatkan otot kaki.

Pemain hendaklah membuat undian giliran (terlebih dahulu) sebelum memulakan permainan.



CARA-CARA BERMAIN TINGTING

- ✓ Pemain akan membaling biji gundu ke dalam petak pertama.
- ✓ Kemudian, pemain melompat terus ke petak tangga kedua dan petak-petak seterusnya dengan sebelah kaki. Pemain tidak boleh menukar kaki (kiri atau kanan) apabila sudah memulakan lompatan.
- ✓ Aturan membaling buah tingting adalah seperti dalam turutan petak (1, 2 dan seterusnya). Apabila selesai membaling petak ke-8, satu lontaran ke petak separa bulat (petak 9) dibuat secara pandang ke belakang.
- ✓ Pemain (hilang giliran) jika gundu yang dibaling terkena garisan atau memijak petak yang mempunyai gundu.

BAHAN 2

"Hayla, mari kita bermain tingting. Qaireen, Lily dan Kajol pun ada," ajak Wendy.

"Wah, seronoknya! Saya tidak tahu cara bermain tingting. Bolehkah kamu mengajar saya permainan ini?" pinta Hayla.

"Kamu jangan khuatir, kita boleh belajar bermain tingting bersama-sama nanti. Saya suka bermain tingting. Permainan ini dapat menguatkan otot kaki. Sebelum bermain, kita hendaklah membuat undian terlebih dahulu," tambah Wendy lagi.

"Saya masih ingat lagi, Cikgu Lim ada beritahu bahawa kita mestilah memelihara warisan budaya seperti permainan tradisional agar tidak pupus dielan zaman. Permainan tradisional juga melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa yang perlu dilestarikan untuk tatapan generasi akan datang," kata Hayla.

"Betul, Hayla. Saya setuju dengan pendapat kamu. Oleh itu, generasi muda seperti kita bertanggungjawab untuk melestarikan khazanah ini daripada satu generasi kepada satu generasi agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas," tambah Wendy.

7. Apakah yang perlu dilakukan sebelum permainan tingting dimulakan?
 - A Memakai pakaian tradisional
 - B Membuat undian terlebih dahulu
 - C Berlari mengelilingi padang
 - D Bersembunyi di sebalik pokok

8. Mengapakah pemain tidak boleh membaling gundu mengenai garisan atau memijak petak yang mempunyai gundu?
 - A Pemain mendapat petak percuma
 - B Pemain boleh bermain sehingga tamat
 - C Pemain akan hilang giliran
 - D Pemain akan dibatalkan permainan serta merta

9. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, apakah maksud perkataan *menguatkan*?
 - A Menyalahkan
 - B Memberikan
 - C Melalaikan
 - D Mengukuhkan

10. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2 di atas?
 - A Kita janganlah memelihara warisan budaya seperti permainan tradisional agar (pupus) ditelan zaman. *(消失)* *被时代吞掉* *保护*
 - B Permainan tradisional juga (melambangkan) adat, budaya, dan identiti sesuatu bangsa. *代表* *传统* *文化* *身份* *民族*
 - C Generasi muda seperti kita bertanggungjawab untuk melestarikan khazanah ini daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. *财宝*
 - D Pemain tidak boleh menukar kaki (kiri atau kanan) apabila sudah memulakan lompatan.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Laporan Sambutan Hari Guru SJKC Taman Delima

Pada 16 Mei yang lalu, SJKC Taman Delima telah mengadakan sambutan Hari Guru di Dewan Wawasan. Sambutan ini bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari. Tujuan sambutan ini diadakan adalah untuk (meraikan) dan (menghargai) (jasa) guru-guru.
 (功勞) (庆祝) (珍惜)

Semua murid dan guru berkumpul di Dewan Wawasan seawal jam 8.00 pagi. Majlis dimulakan dengan ucapan ketua murid. Dalam ucapannya, ketua murid mengucapkan "Selamat Hari Guru" dan berdoa agar semua guru diberikan kesihatan yang baik untuk mendidik mereka ke arah kecemerlangan. Selepas itu, acara diteruskan dengan ucapan guru besar.
 (集合) (祈求) (教导) (辉煌)

Majlis diteruskan dengan acara sukaneka yang (melibatkan) para guru dan murid. Antara acara yang diadakan adalah berjalan dengan memakai terompah gergasi, mengahyam ketupat, tarik tali dan lain-lain. Suasana begitu meriah kerana setiap murid memberikan sokongan kepada guru-guru dan rakan-rakan mereka.
 (继续) (项目) (参与) (各位)

Pada jam 10.30 pagi, para murid dan guru berehat untuk minum pagi. Selepas itu, persembahan kebudayaan dimulai pada jam 11.00 pagi di dewan sekolah. Pelbagai persembahan diadakan seperti persembahan koir, tarian, lakonan dan nyanyian.
 (表演) (各种) (合唱)

Sambutan Hari Guru berakhir pada jam 12.30 petang dengan pemberian cenderamata kepada guru-guru di sekolah ini.
 (最后) (纪念品)

Laporan disediakan oleh,

25 MEI 202_

Yap Mun She

(YAP MUN SHE)

Setiausaha Sambutan Hari Guru,
SJKC Taman Delima.

I. (a) Sambutan Hari Guru SJKC Taman Delima bermula pada _____

[1 markah]

(b) Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menyambut Hari Guru?

[2 markah]

(c) Bulatkan satu kata ^{形容詞} adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Ketua murid mengucapkan Selamat Hari Guru dan berdoa agar semua guru diberikan kesihatan yang baik untuk mendidik mereka ke arah kecemerlangan.

[1 markah]

(d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Pada 16 Mei yang lalu, SJKC Taman Delima telah mengadakan sambutan Hari Guru di Dewan Wawasan.

Sambutan Hari Guru SJKC Taman Delima diadakan di Dewan Wawasan pada 16 Mei yang lalu.	
Dewan Wawasan telah mengadakan sambutan Hari Guru di SJKC Taman Delima.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.


Mei Ling seorang (班长) Dia perlu memastikan (确定) (同班同学) (值日) rakan sekelas) bertugas mengikut jadual kebersihan kelas semasa rehat dan sebelum balik. Kawan baiknya, Angeline, tidak mahu melakukan tugas menyapu sampah pada hari dia bertugas.

2. Sekiranya kamu berada dalam situasi Mei Ling, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang kesihatan.
Tuliskan pendapat kamu tentang punca-punca masalah kesihatan.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.




[10 markah]

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN



1. Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tuliskan sebuah catatan untuk bercerita berdasarkan gambar di atas.
